

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO! (NEGARA)

TARIKH: 03 APRIL 2018

MUKA SURAT: 06

Mampu jual rumah lebih murah bukti kerajaan tidak bankrap

LENGGONG - Kemampuan kerajaan membina dan menjual rumah kepada rakyat berpendapatan rendah dengan harga yang jauh lebih murah berbanding kos pembinaannya membuktikan negara yang diterajui kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak bankrap.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, pembinaan 500 unit rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lenggong dengan kos RM94 juta itu merupakan contoh terbaik kerajaan prihatin dengan keperluan rakyat.

“Setiap unit rumah yang dibina melalui PPR ini menelan kos RM194,000 seunit namun kerajaan hanya menjualnya kepada rakyat berpendapatan rendah dengan harga RM35,000.

“Tiada pemaju yang boleh melakukan perkara tersebut dan ia membawa erti bahawa negara yang ditadbir kerajaan sekarang tidak bankrap,” katanya.

Beliau berkata demikian ke-



AHMAD ZAHID (depan, dua dari kanan) meneliti model PPR Lenggong selepas merasmikan majlis pecah tanah projek berkenaan di Lenggong semalam. Hadir sama Zambry (tiga dari kiri) dan Shamsul Anuar (tiga dari kanan).

tika berucap merasmikan Program Bantu Rakyat dan majlis pecah tanah PPR Lenggong di Kampung Chain di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar Perak, Datuk Seri Zambry Abd. Kadir dan Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Shamsul Anuar Nasarah.

Pada majlis itu, Ahmad Zahid turut mengumumkan kelulusan beberapa projek bagi Parlimen Lenggong bernilai RM2.73 juta termasuklah pembinaan bangunan tambahan Maahad Tahfiz Kampung Air Jerneh dan gelanggang futsal serta menaik taraf Dataran Lenggong.